

130 atlet UMSKAL sertai Sukan Staf UMS 2013

UB 09. DI 2013

A14

LABUAN : Seramai 130 atlet Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan menyertai 20 acara di Kejohanan Sukan Staf UMS ke-13 yang akan bermula pada 11 Januari ini.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata atlet berkenaan terdiri daripada VIP, pegawai kanan, pensyarah dan kakitangan sokongan.

Katanya, mereka akan menyertai acara cabaran ke puncak pada Jumaat ini selepas Majlis Pelancaran Sukan Staf UMS 2013 di Laman Canselori oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata atlet UMS-KAL juga akan beraksi dalam acara tenis, bola tampar wanita, tenpin boling, bola tampar pantai wanita, bola sepak 7 sebelah yang akan diadakan pada 19 Januari serta golf pada 20 Januari 2013.

“Kita akan menyertai Sukan Staf 2013 untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dengan rakan-rakan di Kampus Induk dan Sandakan, “ katanya ketika mempengerusikan mesyuarat bersama pengurus-pengurus pasukan di Bilik Seminar, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah dan Pegawai

Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil.

Dr Ismail yang juga Ketua Kontijen UMSKAL berkata pasukan itu juga akan bersaing dalam acara sepak takraw, bola tampar lelaki dan olahraga pada 25 Januari.

Manakala acara pada 26 Januari ialah badminton, ping pong, futsal, bola jaring, dart dan pool.

Turut diadakan acara bola keranjang, tarik tali, carom, catur, bola tampar pantai lelaki dan kayak pada 27 Januari.

Kejohanan Sukan Staf UMS 2013 akan dimeriahkan lagi dengan acara karaoke, kugiran dan ratu kebaya serta cabutan



ISMAIL

bertuah sebelum majlis penutupan dan penyampaian hadiah pada 27 Januari bermula pukul 2.30 petang di Gelanggang Beratap UMS.